



07 AUG, 2024

Tinggal lori bawa 1.26 juta rokok

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Tinggal lori bawa 1.26 juta rokok

Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pahang patahkan cubaan pengedaran rokok bernilai RM942,480

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang mematahkan cubaan pengedaran 1.26 juta batang rokok bernilai RM942,480 yang menggunakan sebuah lori di Taman Sri Mahkota di sini, pada 16 Julai lalu.

Pengarahnya, Mohd Asri Seman berkata, berdasarkan laporan rampasan itu dilakukan Bahagian Penguatkuasaan JKDM Pahang hasil pemeriksaan dilakukan terhadap lori yang ditinggalkan di tepi jalan pada jam 2 petang.

Menurutnya, rampasan rokok berjumlah 1.26 juta batang dianggarkan bernilai RM100,800, manakala jumlah duti dan cukai dianggarkan RM841,680 dengan nilai keseluruhan termasuk lori terbabit berjumlah RM1,002,480.

"Tiada tangkapan dilakukan dan kami masih dalam siasatan untuk mengesan pemilik lori dan rangkaian sindiket pengedaran rokok tidak berkastam untuk tindakan selanjutnya."

"Modus operandi yang dilakukan menggunakan



MOHD ASRI (tengah) melihat sebahagian rokok yang dirampas dalam serbuan di Taman Sri Mahkota dan Lebuhraya Segamat-Kuantan pada sidang di Wisma Kastam, Kuantan.

lori berkanvas dan bergerak aktif pada waktu puncak untuk mengaburi pihak berkuasa.

"Kes berkenaan sedang disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967," ketika ditemui pada sidang

media di Wisma Kastam Jalan Bank, di sini, semalam.

Dalam kes berasingan pada 22 Julai lalu, beliau berkata, seorang lelaki berusia dalam lingkungan 30-an ditahan di Kilometer

129, Lebuhraya Segamat-Kuantan dekat Muadzam Shah, Rompin pada jam 2.30 petang.

Katanya, pemeriksaan terhadap kereta yang dipandu suspek ditemukan 53,100 batang rokok.

"Nilai rokok yang dirampas berjumlah RM5,617 dengan membabitkan duti dan cukai dianggarkan berjumlah RM45,607.72 dan kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967," katanya.



Tiada tangkapan dilakukan dan kami masih dalam siasatan untuk mengesan pemilik lori dan rangkaian sindiket pengedaran rokok tidak berkastam untuk tindakan selanjutnya"

Mohd Asri

Bagi kes cubaan pengedaran daging khinzir sejuk beku pada 17 Julai lalu, Mohd Asri berkata, pihaknya merampas 150 keping daging seberat 6,750 kilogram selepas menahan sebuah lori di Kilometer 131, Laluan Gerik, Perak pada jam 5.30 pagi.

Menurutnya lagi, daging khinzir itu dipercayai dibawa masuk dari Thailand dianggarkan berjumlah RM135,000 dan turut merampas lori terbabit.

"Kita berjaya menahan pemandu dan kelindan lori itu yang berusia lingkungan 30-an bagi membantu siasatan."

"Kes itu disiasat mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967," katanya.



07 AUG, 2024

Tinggal lori bawa 1.26 juta rokok

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pahang patahkan cubaan pengedaran rokok bernilai RM942,480

a m @ h m e t ro.c om . m y Kuant an Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang mematahkan cubaan pengedaran 1.26 juta batang rokok bernilai RM942,480 yang menggunakan sebuah lori di Taman Sri Mahkota di sini, pada 16 Julai lalu.